

01 JUN 1998

Ting-pokok

TUJUH NEGERI CAPAI SASARAN KEMPEN TANAM POKOK

PETALING JAYA, 1 Jun (Bernama) -- Tujuh negeri berjaya mencapai sasaran kempen menanam pokok sejak ia dilancarkan kira-kira setahun lepas, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Menurutnya negeri-negeri yang berjaya mencapai matlamat itu ialah Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis dan Terengganu.

Beliau menjelaskan sambutan daripada beberapa buah negeri terhadap kempen yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan Mac 1997 itu agak kurang menggalakkan.

"Kita akan cuba mendapatkan maklumat dan mambantu menyelesaikan masalah negeri-negeri yang tidak berjaya mencapai matlamat kempen itu," katanya.

Dr Ting berkata demikian kepada pemberita selepas memeriksa kemajuan kerja-kerja landskap, pembinaan kemudahan awam dan meninjau kebersihan tandas-tandas awam di kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) di sini.

MPPJ dan tujuh pihak berkuasa tempatan yang lain diberikan peruntukan khas berjumlah RM17 juta untuk mengindahkan landskap, bagi persediaan negara menganjurkan Sukan Komanwel pada September ini.

Dr Ting berkata selepas lebih setahun Kempen Menanam Pokok dilancarkan sebanyak 89.3 peratus atau 669,781 pokok sudah ditanam, berbanding sasaran 750,000 pokok yang ditetapkan.

Katanya satu jawatankuasa khas dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Peter Chin dibentuk untuk menilai kejayaan projek itu.

Ia juga mengkaji masalah negeri-negeri yang tidak mencapai sasaran kempen menanam pokok dan mempergiatkan kempen itu pada tahun depan.

Katanya jawatankuasa itu, yang dianggotai wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, akan bermesyuarat esok.

Mengenai kemajuan kerja landskap di kawasan MPPJ, beliau berkata kesemua projek dijangka siap sebelum bulan Ogos ini.

Katanya MPPJ pada keseluruhannya membelanjakan kira-kira RM12.5 juta bagi meningkatkan keindahan landskap di kawasan di bawah jagaannya dan peruntukan itu juga untuk membina sebuah pusat penjaja yang baru dan modern di Seksyen 8.

-- BERNAMA

MT RI